

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1987/88  
HIU 201 - Islam: Hubungan Manusia dengan Allah

Tarikh: 29 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari  
(3 jam)

Kertas ini mengandungi dua Bahagian A dan B.  
Jawab **EMPAT(4)** soalan. **DUA(2)** soalan daripada setiap Bahagian. Setiap Bahagian hendaklah dijawab di dalam buku jawapan yang berasingan.

**BAHAGIAN A - Jawab DUA(2) soalan**

1. Berdasarkan kefahaman anda tentang konsep tauhid di dalam Islam,uraikan perkara-perkara di bawah mengikut pendapat ulama-ulama salaf:
  - (a) Tauhid Rububiyyah
  - (b) Tauhid Uluhiyyah
  - (c) Asma wa al Sifat
  - (d) Perkara-perkara yang membatalkan tauhid
2. Islam menyeru umatnya supaya beriman kepada pekara-pekara yang ghaib:
  - (a) Huraikan dengan terperinci konsep Qada dan Qadar sepertimana yang dikemukakan oleh ulama-ulama salaf.
  - (b) Perbezaan di antara perosak-perosak tauhid dengan perosak-perosak iman
3. Di dalam membincarakan tentang konsep tawassul (perantaraan) di dalam Islam, ulama-ulama salaf telah menerangkan bahagian-bahagiannya yang dibenarkan, terangkan bahagian-bahagian tersebut dengan disertakan hujah-hujahnya sekali.

**BAHAGIAN B - Jawab DUA(2) soalan**

4. Allah (s.w.t.) befirman dengan maksudnya:

"Tidak Aku (Allah) menjadikan Jin dan Manusia Melainkan untuk pengabdian kepadaKu" (Al-Zariyat:56)

Berdasarkan maksud ayat tersebut bincangkan dua faktor berikut secara terperinci, iaitu:

- (a) Apakah falsafah ibadah menurut perspektif Islam dengan mengambil kira persoalan amar makruf dan nahi munkar.
- (b) Apakah yang dimaksudkan bahawa aqidah dan ibadah semestinya mempunyai pertalian yang sangat kuat. Bincangkan.

5. Ibadah meliputi antara lain tuntutan fardu'ain dan fardu kifayah. Jelaskan kedua-dua bidang ini dengan berdasarkan konsep-konsep berikut:

- (a) Konsep hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia sesamanya
- (b) Huraikan konsep fardu kifayah secara umum.

6. Kewajipan ibadah adalah bermotifkan TAQWA. Sesuatu jenis ibadah yang dilaksanakan akan dianggap penting seandainya ibadah itu dapat memberi kesan baik kepada jiwa. Huraikan beberapa perkara berikut:

- (a) Ibadah salat dapat membina personaliti seseorang mukmin.
- (b) Pengabaian terhadap kewajipan salat akan membawa kesan buruk kepada seseorang baik di dunia atau di akhirat.
- (c) Salat dan puasa adalah ibadah formal yang boleh menghasilkan ketenangan dan kebahagian.
- (d) Setiap perkara itu adalah ibadah asalkan disempurnakan syarat dan rukunnya. Bincangkan secara ringkas.